

16 NOV 1999

TERDAPAT PERUBAHAN PADA SENARAI CALON PBB DI SARAWAK, KATA TAIB MAHMUD

PUTRAJAYA, 16 Nov (Bernama) -- Beberapa perubahan akan berlaku dalam barisan calon Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang, kata presidennya Tan Sri Abdul Taib Mahmud, hari ini.

"Perdana Menteri memahami kami. Kami telah hantar senarai calon kami dan tidak banyak kontroversi... kita tak ada masalah," kata Ketua Menteri Sarawak itu selepas menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN), di pejabat Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Ditanya sama ada akan berlaku pertukaran dari peringkat negeri ke persekutuan, beliau berkata: "Memang ada pertukaran, tapi biarlah Perdana Menteri umumkan."

Beliau bagaimanapun tidak menjawab apabila para pemberita dalam persidangan akhbar yang tidak diatur di pintu utama kompleks pejabat Perdana Menteri itu bertanya sama ada Menteri Pertahanan Abang Abu Bakar Mustapha ada dalam senarai calon.

Lain-lain pemimpin parti komponen BN dari Sabah dan Sarawak yang bertemu Dr Mahathir lewat hari ini ialah presiden SNAP Datuk Amar James Wong dan timbalan presiden PBB Abang Johari Abang yang tiba sebaik Abdul Taib Mahmud meninggalkan kompleks kerajaan itu pukul 4 petang.

Laporan berita yang tidak dapat disahkan di Sarawak bulan lepas berkata parti itu tidak akan memasukkan nama Abang Abu Bakar daripada senarai calon untuk pilihan raya umum kerana kegagalan beliau mempertahankan jawatan timbalan presiden parti pada pemilihan tahun lepas.

Pemimpin parti komponen BN lain yang menemui Dr Mahathir hari ini termasuk Ketua Menteri Sabah Datuk Panglima Osu Sukam, presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu dan presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Lain-lain yang dilihat meninggalkan kompleks Jabatan Perdana Menteri ialah Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Ketua Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah dan wakil khas Dr Mahathir bagi kawasan parlimen Kubang Pasu Tan Sri Osman Aroff.

-- BERNAMA

gm zb